



Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Akaun Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

PERSEKITARAN OPERASI

Ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar ("KDNK") 4.6% pada 2008, angka yang lebih rendah berbanding 6.3% yang dilaporkan pada 2007 ekoran keadaan ekonomi global yang semakin gawat. Penyusutan ekonomi Malaysia berlaku terutamanya kerana kemelesetan eksport barangan dan perkhidmatan. Namun begitu, permintaan domestik, yang dipacu oleh penggunaan persendirian dan perbelanjaan umum, terus menyokong pertumbuhan pada 2008.

Sektor perkhidmatan telah mencatatkan pertumbuhan lebih rendah pada kadar 7.3% pada 2008 (2007: 9.7%). Kebanyakan subsektor perkhidmatan, termasuk perdagangan borong dan runcit, hartanah dan khidmat perniagaan serta kewangan dan insurans mengalami penguncupan. Aktiviti dalam segmen insurans, bagi insurans hayat dan juga am turut menyusut, seperti yang dilihat daripada pendapatan premium lebih rendah daripada perniagaan baru dan jualan kenderaan.

Pada 2008, industri Insurans Hayat Malaysia mencatatkan kemerosotan 6.2% dari segi jumlah premium perniagaan baru (premium tunggal dan premium tahunan), penurunan ketara berbanding pertumbuhan 6.2% yang dicatatkan oleh industri pada 2007. Industri Insurans Am pula mengalami pertumbuhan 8.4% (2007: pertumbuhan 3.6%) dari segi premium kasar yang ditaja jamin.

TINJAUAN PRESTASI

Bagi tahun yang dilaporkan, jumlah hasil operasi Kumpulan menyusut sebanyak 4.3% kepada RM2.2 bilion (2007: RM2.3 bilion). Dalam perniagaan insurans konvensional, Bahagian Insurans Hayat mencatatkan pendapatan premium kasar RM1.3 bilion (2007: RM1.5 bilion) manakala Bahagian Insurans Am mencatatkan jumlah premium kasar RM436.7 juta (2007: RM459.7 juta) yang mana RM372.1 juta (2007: RM401.1 juta) dari operasi yang tidak diteruskan. Operasi Bahagian Insurans Am yang tidak diteruskan mewakili Perniagaan Insurans Am Malaysian Assurance Alliance Berhad ("MAA") (sebuah syarikat subsidiari milik penuh) yang diklasifikasikan bagi mematuhi FRS 5: Aset Bukan Semasa yang dipegang untuk Jualan dan Operasi Tidak Diteruskan berikutan pengumuman oleh Syarikat seperti yang dimaklumkan di (c) di bawah Perkembangan Terkini Tentang Cadangan Korporat dalam bahagian yang berikutnya.



Di bawah perniagaan takaful, Bahagian Takaful Keluarga dan Bahagian Takaful Am masing-masing mencatatkan caruman kasar RM76.1 juta (2007: RM25.8 juta) dan RM33.9 juta (2007: RM0.9 juta).

Kumpulan mengalami kerugian selepas cukai RM70.0 juta bagi tahun yang dilaporkan (2007: kerugian selepas cukai RM73.3 juta). Bahagian Insurans Am mencatatkan kerugian sebelum cukai RM23.1 juta (2007: keuntungan sebelum cukai RM28.0 juta), di mana operasi yang tidak diteruskan mencatatkan kerugian sebelum cukai RM17.6 juta (2007: kerugian sebelum cukai RM24.4 juta). Dana Pemegang Saham mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM45.0 juta (2007: kerugian sebelum cukai RM45.6 juta), namun begitu Bahagian Insurans Hayat berjaya meraih keuntungan sebelum cukai RM33.8 juta (2007: kerugian sebelum cukai RM42.8 juta).

Kerugian Dana Pemegang Saham dialami kerana pengiktirafan kerugian nilai saksama RM22.6 juta (2007: kerugian nilai saksama RM24.2 juta) atas urus niaga swap kadar faedah pada tahun semasa berikutan penggunaan FRS 139: Instrumen Kewangan - Pengiktirafan dan Ukuran, yang menetapkan penggunaan kaedah Tanda ke Pasaran (Mark-to-Market) bagi swap kadar faedah tersebut. Dengan demikian, keuntungan atau kerugian nilai saksama yang dialami akan diambil kira dengan sewajarnya dalam penyata pendapatan.

Swap kadar faedah dilaksanakan dengan matlamat utama untuk mengurangkan bayaran kupon bagi Nota Jangka Pertengahan RM200 juta yang diterbitkan oleh Kumpulan pada 2007. Kerugian nilai saksama yang dicatatkan oleh swap kadar faedah timbul terutamanya akibat ketidakstabilan ketara dalam kadar faedah pasaran Amerika Syarikat, lanjutan daripada krisis pinjaman perumahan subprima dan kegawatan ekonomi.

Dana Pemegang Saham juga menunjukkan kenaikan perbelanjaan pengurusan terutamanya kerana perbelanjaan pengurusan perniagaan takaful yang telah beroperasi untuk setahun penuh pada tahun yang dilaporkan. Perniagaan takaful hanya memulakan operasi pada 1 Julai 2007.

Pada 31 Disember 2008, aset Kumpulan berjumlah RM7.7 bilion, kemerosotan 1.3% berbanding RM7.8 bilion pada 2007.

TINJAUAN OPERASI PERNIAGAAN

Bagi tahun yang dilaporkan, Kumpulan meneruskan tumpuannya terhadap empat operasi teras, iaitu Operasi Insurans Hayat Malaysia, Operasi Insurans Am Malaysia, Operasi Unit Amanah Malaysia dan Operasi Antarabangsa, di samping perniagaan takaful barunya. Maklumat mengenai prestasi setiap satu dibincangkan secara berasingan dalam halaman yang dilampirkan.



MAA SENTIASA
PRIHATIN
TERHADAP
PELANGGAN

PELABURAN

Pada tahun yang dilaporkan, jumlah pendapatan pelaburan Kumpulan meningkat sebanyak 24.3% kepada RM332.7 juta (2007: RM267.6 juta) berasaskan pendapatan faedah lebih tinggi terutamanya daripada deposit tetap, sekuriti hutang korporat dan kutipan semula pinjaman.

Pada tahun yang dilaporkan, IKKL menjunam 39.3% (2007: pertumbuhan 31.8%) seiring dengan pasaran serantau lain. Memandangkan sentimen pasaran ekuiti Malaysia agak lemah, Kumpulan telah menyusun semula strategi pelaburan untuk mengimbangi portfolio pelaburan pada tahun yang dilaporkan sebagai langkah melindungi portfolio ekuiti daripada kejatuhan harga ekuiti. Ini dilakukan dengan bertukar daripada portfolio ekuiti kepada sekuriti pendapatan tetap dalam sekuriti kerajaan risiko rendah, bon Cagamas dan bon korporat gred pelaburan dalam industri terpilih, dengan matlamat melindungi modal dan mengurangkan risiko pelaburan. Tindakan tersebut menyebabkan Kumpulan mengalami kerugian daripada penjualan ekuiti yang disebut harga pada 2008, berbanding keuntungan tahun sebelumnya apabila pasaran ekuiti Malaysia memberangsangkan.

Meninjau ke hadapan, Kumpulan akan sentiasa mengkaji dan menilai strategi dan campuran portfolio pelaburan memandangkan persekitaran pelaburan semasa yang kurang memberangsangkan untuk memastikan ia mencapai matlamat untuk mengekalkan modal, keuntungan dan aliran pendapatan konsisten bagi memenuhi komitmen kepada pelanggan.

PERUNTUKAN PINJAMAN

Pada akhir Disember 2008, jumlah dibawa pinjaman tidak dibayar mencecah RM450.5 juta (2007: RM649.9 juta), meliputi 5.9% (2007: 8.3%) daripada jumlah aset Kumpulan. Penurunan 30.7% dalam pinjaman tidak dibayar bersih dicapai hasil kutipan hutang lebih baik dan proses kutipan berterusan. Pada tahun yang dilaporkan, kutipan daripada pinjaman tidak dibayar berjumlah kira-kira RM251.6 juta (2007: RM105.0 juta). Pinjaman tidak dibayar ini dicagangkan dengan hartanah dan/atau saham yang disandarkan oleh peminjam dengan purata liputan sekuriti 2 kali.

DIVIDEN

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2008, Lembaga Pengarah tidak mengesyorkan pembayaran dividen, memandangkan Kumpulan perlu melindungi modal untuk memenuhi keperluan semasa dan masa depan.



PERKEMBANGAN TERKINI TENTANG CADANGAN KORPORAT

Kumpulan dengan sukacitanya membentangkan perkembangan terkini berikut:

- (a) Pada 12 Jun 2008, MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), anak syarikat milik penuh MAA Corporation Sdn Bhd, yang juga merupakan anak syarikat milik penuh Syarikat telah melupuskan sejumlah 6,446,918 saham biasa bernilai Rp1,000 sesaham, mewakili kepentingan ekuiti 34% dalam PT MAA General Assurance ("PT MAAG") kepada En. Ng Feby Antonious ("Feby"), pemegang saham minoriti PT MAAG, untuk pertimbangan tunai berjumlah RM252,188 di bawah Opsyen yang diberikan oleh MAAIA kepada Feby menerusi Perjanjian Pemegang Saham bertarikh 6 September 2001.

Apabila pelupusan disempurnakan, kepentingan ekuiti MAAIA dalam PT MAAG dikurangkan daripada 94% kepada 60%.

- (b) Untuk mematuhi peraturan syarat ekuiti bersih minimum industri insurans Indonesia menjelang 31 Disember 2008, MAAIA telah menukar pinjaman subordinat menjadi modal berbayar dan menyuntik modal baru ke dalam PT MAAG dan PT MAA Life Assurance ("PT MAAL") pada Oktober 2008 dan Disember 2008. Selepas proses peningkatan modal ini, modal berbayar PT MAAG dan PT MAAL masing-masing telah meningkat kepada Rp25,702,727 (bersamaan RM9,407,855) dan Rp69,396,700 (bersamaan RM25,617,325).

Apabila proses suntikan modal disempurnakan, kepentingan ekuiti MAAIA dalam PT MAAG dan PT MAAL masing-masing meningkat daripada 60% kepada 83% dan 98% kepada 99.5% .

- (c) Pada 10 November 2008, Syarikat mengumumkan pemeteraian memorandum persefahaman tidak mengikat ("MOU") dengan MAA dan AMG Insurance Berhad ("AMG") untuk mengadakan perbincangan rasmi mengenai cadangan AMG memperolehi Perniagaan Insurans Am MAA pada harga RM274.8 juta yang ditetapkan (tertakluk kepada pelarasan) dan kepentingan 4.9% dalam MAA Takaful Berhad untuk pertimbangan berjumlah RM16.2 juta, bersamaan dengan harga RM3.3 sesaham (secara kolektif, "Urus Niaga yang Dicadangkan").

Urus Niaga yang Dicadangkan tertakluk kepada kelulusan yang diperolehi daripada:

- (i) Bank Negara Malaysia ("BNM") bagi skim pemindahan di bawah perjanjian pemindahan perniagaan;
- (ii) Kementerian Kewangan berdasarkan saranan BNM, mengikut Akta Insurans 1996;
- (iii) Jawatankuasa Pelaburan Asing (jika perlu);
- (iv) Suruhanjaya Sekuriti (jika perlu);
- (v) Mahkamah Tinggi Malaysia bagi Pengesahan skim pemindahan;
- (vi) Pemegang saham Syarikat.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

TANGGUNGJAWAB
SOSIAL KORPORAT

PERKEMBANGAN BARU
UTAMA



Pada 26 Februari 2009, Syarikat mengumumkan bahawa kedua-dua MAA dan AMG sedang berusaha menyempurnakan perjanjian pemindahan perniagaan ("BTA") berkaitan dengan cadangan penjualan Perniagaan Insurans Am MAA, sebelum mengemukakan perjanjian tersebut kepada BNM untuk diluluskan.

Pada 24 April 2009, Syarikat mengumumkan bahawa harga headline telah dipinda kepada RM254.83 juta (tertakluk kepada pelarasan) dan satu permohonan kepada BNM bagi kelulusan cadangan jualan Perniagaan Insurans Am MAA kepada AMG ("Jualan Dicadangkan") telah dikemukakan. Pelaksanaan BTA adalah tertakluk kepada kelulusan BNM yang masih ditunggu. Syarikat dan MAA juga telah memberi AMG tempoh lanjutan 120 hari di bawah tempoh eksklusif di bawah perjanjian persefahaman.

Pada 27 April 2009, Syarikat telah mengemukakan permohonan kepada Suruhanjaya Sekuriti bagi Jualan Dicadangkan.

PERKHIDMATAN PELANGGAN

Tumpuan terhadap pelanggan dan perkhidmatan pelanggan bermutu tinggi sentiasa menjadi matlamat yang didukung Kumpulan. Berbekalkan metodologi Six Sigma, pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2000 dan pensijilan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISO 270001, operasi insurans Malaysia terus memberi tumpuan menambah baik sistem teknologi maklumat ("IT") dan proses dalaman, selain meneruskan program latihan kakitangan dan program pendidikan untuk memastikan pelanggan dan ejen mendapat perkhidmatan terbaik.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Kumpulan akan meneruskan usaha untuk melabur dalam teknologi maklumat terkini untuk meningkatkan lagi operasi, produktiviti perniagaan dan penjimatan kos. Bagi operasi Malaysia, Kumpulan telah melaksanakan Rancangan Strategi IT secara berperingkat dengan matlamat utama untuk menyokong keperluan perniagaan yang sentiasa berubah. Rancangan strategi IT menangani isu utama pembangunan aplikasi baru, automasi proses dan penyepaduan sistem, strategi E-niaga dan risikan perniagaan.

JENAMA MAA

Kumpulan berbangga untuk mengumumkan bahawa dalam tinjauan jenama paling bernilai Malaysia, MAA telah diberi pengiktirafan sebagai salah satu daripada 30 Jenama Paling Bernilai Malaysia 2008. Anugerah ini mengiktiraf pegangan kami bahawa ekuiti jenama adalah salah satu daripada aset paling penting untuk mengekalkan imej korporat yang kukuh yang telah dibina selama ini. Jenama MAA menjadi tunggak yang memacu jualan dan menghasilkan keuntungan dalam meningkatkan keyakinan pelanggan terhadap syarikat dan memastikan kesetiaan pelanggan, ejen dan kakitangan.

Cogan kata MAA, "Katakan Ya Kepada Jaminan Kewangan Yang Teguh", dikenali ramai.



Dalam usaha Kumpulan berkembang maju dan meluaskan operasi, strategi pengiklanan dirombak untuk memberi tumpuan terhadap jenama MAA sebagai pembekal penyelesaian kewangan dan insurans di bawah sebuah pusat sehenti yang menggabungkan semua produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh MAA, MAAKL Mutual Bhd, MAA Takaful Berhad dan MAA Universal Sdn Bhd.

TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT

Kumpulan sentiasa komited kepada usaha untuk menjadi warga korporat yang prihatin dan bertanggungjawab. Untuk tujuan ini, Kumpulan telah menubuhkan Dana Amal Buah Pinggang MAA-Medicare sejak 1994 dengan matlamat memberikan rawatan dialisis buah pinggang yang lebih murah kepada orang ramai. Sejak itu, Kumpulan telah meluaskan rangkaian kepada dua belas (12) pusat dialisis buah pinggang untuk memenuhi keperluan pesakit baru yang semakin bertambah bagi perkhidmatan perubatan subsidi.

Kumpulan juga menjadi penaung kepada Yayasan Kebajikan Budimas pada 2002 dengan matlamat memberikan sumbangan kebajikan kepada kanak-kanak yang kurang bernasib baik dan miskin. Buat masa ini, Yayasan tersebut menjaga kebajikan dan memberikan sokongan kewangan berterusan kepada sepuluh (10) rumah kanak-kanak kurang bernasib baik dan yatim piatu. Menjelang suku terakhir 2008, Yayasan ini telah memulakan usaha mengasaskan rumah kebajikan sendiri yang pertama, iaitu Pusat Jagaan Anak-Anak Yatim Orion Budimas. Rumah kebajikan milik yayasan ini mampu menjaga dan membiayai sehingga 20 orang kanak-kanak. Buat masa ini rumah tersebut dihuni oleh 9 kanak-kanak.

Akhir sekali, Kumpulan akan terus memperuntukkan sumber untuk meluaskan matlamat aktiviti kebajikan pada tahun-tahun akan datang untuk menunaikan tanggungjawab sosial korporatnya.

Maklumat mengenai Dana Amal Buah Pinggang MAA-Medicare dan Yayasan Kebajikan Budimas dibincangkan secara berasingan pada halaman yang dilampirkan.

PROSPEK

Dalam laporan tentang Pembangunan Ekonomi dan Kewangan di Malaysia bagi Suku Keempat 2008, BNM menyatakan bahawa Malaysia, yang memainkan peranan penting dalam ekonomi global, sudah merasai tempas kesan krisis kewangan dan kemelesetan ekonomi. Walaupun usaha global telah digiatkan untuk mengatasi kesan kemelesetan, risiko kemelesetan berlanjutan masih wujud dan pemulihan ekonomi global dijangka perlahan dan mengambil masa kerana beberapa ekonomi serantau telah mula mengalami kegawatan.

Memandangkan kegawatan ketara ekonomi global, Malaysia menghadapi suasana ekonomi yang amat mencabar pada 2009. Untuk itu, kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Pakej Rangsangan Pertama bernilai RM7 bilion dan Pakej Rangsangan Kedua bernilai RM60 bilion untuk mengurangkan kesan kemelesetan global terhadap ekonomi tempatan di Malaysia. Selepas mengambil kira langkah yang diambil oleh kerajaan Malaysia, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia dijangka berada pada sekitar -1% hingga 1% pada 2009.



TINJAUAN INDUSTRI

PROSPEK

PENGIKTIRAFAN DAN
PENGHARGAAN

Berhubung dengan perkara yang sama, BNM baru-baru ini telah mengambil langkah agresif untuk mengurangkan kadar dasar semalaman ("OPR") dan keperluan rizab berkanun ("SRR") untuk mengurangkan kos pinjaman sebagai satu langkah terdahulu untuk menyediakan persekitaran wang yang dapat menyokong ekonomi tempatan.

Pada tahun yang dilaporkan, BNM mengumumkan Rangka Modal Berasaskan Risiko ("RBC") untuk syarikat insurans, yang berkuatkuasa bagi tempoh tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2009. Di bawah RBC, syarikat insurans mengekalkan tahap kecukupan modal seiring dengan profil risikonya. Rangka kerja baru ini akan merombak cara syarikat insurans menguruskan risiko dan pelaburan untuk mencapai kesepadanan aset dan liabiliti yang lebih baik bagi dana insurans pada masa depan.

Dalam hal ini, MAA telah berusaha merangka rancangan tindakan termasuk melupuskan perniagaan insurans am (tertakluk kepada kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan dan pemegang saham Syarikat) untuk memenuhi keperluan RBC.

Kumpulan sedar tentang pasaran yang semakin kompetitif dalam sektor perkhidmatan kewangan dan pelbagai cabaran yang bakal ditempuhi, termasuk usaha mencapai pulangan pelaburan mencukupi memandangkan keadaan ekonomi semasa yang mencabar, untuk melindungi modal, mengekalkan keuntungan dan memenuhi komitmen kepada pelanggan.

Justeru, Kumpulan telah menyusun rancangan tindakan dan akan meninjau dan memantau pelaksanaan rancangan ini untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Antara usaha yang dilaksanakan termasuk memastikan pemilikan modal secukupnya dan pengurusan risiko yang baik dan kedua, produk dan perkhidmatan yang kekal inovatif dan kompetitif untuk memenuhi keperluan pelanggan semasa dan pelanggan sasaran.

PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pasukan pengurusan dan kakitangan atas komitmen, dedikasi dan sumbangan berterusan dalam memastikan pertumbuhan berterusan dan kejayaan Kumpulan.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak berkuasa kawal selia atas segala panduan dan sokongan berterusan; dan juga kepada pelanggan, ejen, rakan perniagaan dan pemegang saham kami yang amat dihargai di atas sokongan tidak berbelah-bagi, keyakinan dan kepercayaan yang diberikan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan seperjuangan di dalam Lembaga Pengarah di atas sokongan dan sumbangan mereka kepada Kumpulan.

TUNKU DATO' YA'ACOB BIN TUNKU TAN SRI ABDULLAH

Pengerusi Eksekutif